

Pelaksanaan Tuntutan Wang Didahulukan Bagi Pembelian Bekalan/ Perolehan Perkhidmatan Melibatkan Peruntukan Geran / Dana Penyelidikan di UPSI

Pelaksanaan tuntutan wang didahulukan melibatkan peruntukan penyelidikan / perundingan melalui tiga (3) kategori berikut:

3.1 Pembelian/perolehan sehingga RM1,000.00 per resit/tuntutan;

3.1.1 Terhad kepada pembelian bekalan bahan penyelidikan (Vot 27000) yang telah diluluskan seperti:

- (a) Bahan kimia / bekalan bahan penyelidikan. Pembelian melibatkan inventori dan aset adalah tidak dibenarkan.
- (b) Khidmat percetakan, alat tulis / *toner* dan lain-lain bekalan pejabat
- (c) Lesen dan Perisian Komputer.

3.2 Perolehan khidmat pakar / professional sehingga RM1,000 per resit/tuntutan;

3.2.1 Terhad kepada perolehan perkhidmatan pakar/professional luar (selain kakitangan UPSI) yang telah diluluskan dalam belanjawan seperti:

- (a) Khidmat analisis sampel / pengujian bahan kimia.
- (b) Khidmat profesional seperti jurugambar / suntingan video / penyediaan infografik dan lain - lain perkhidmatan pakar / profesional yang berkaitan.
- (c) Khidmat pakar rujuk kesahan instrumen / modul dan khidmat pakar rujuk atau khidmat ceramah kepakaran.

3.2.2 Jumlah bayaran saguhati khidmat pakar / profesional / khidmat analisis saintifik hendaklah dinyatakan dalam surat pelantikan sebagai persetujuan berdasarkan kelulusan asal peruntukan yang diluluskan dan tidak melebihi jumlah siling RM1,000.

3.2.3 Bayaran saguhati bagi khidmat pakar / profesional yang diberikan oleh kakitangan UPSI (pensyarah atau lain-lain skim perkhidmatan) hendaklah dibuat secara arahan bayaran iaitu bayaran terus oleh Jabatan Bendahari kepada pensyarah yang dilantik dengan kelulusan PPPI.

3.3 Bayaran yuran perkhidmatan sehingga RM5,000.00;

3.3.1 Terhad kepada bayaran yuran penerbitan, yuran penyertaan persidangan/seminar.

3.3.2 Tuntutan wang didahulukan bagi bayaran penerbitan mestilah memenuhi had kadar dan syarat penerbitan yang ditetapkan oleh pemberi dana / peraturan semasa yang berkaitan dengan peruntukan tersebut (garis panduan / terma rujukan geran / insentif yang berkaitan) dan tidak melebihi siling RM5,000.00.

3.3.3 Bayaran yuran penyertaan persidangan / seminar berkaitan penyelidikan mestilah mendapat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor (TNCPI) sebelum pembayaran dibuat dan permohonan menghadiri persidangan boleh dibuat melalui MyUPSI Portal.